



17 MAR, 2026

TNB, TM perkukuh solusi tenaga hijau

Kosmo, Malaysia



TNB, TM perkukuh solusi tenaga hijau

- Pasang sistem solar di 150 premis TM
- Tingkatkan rangkaian rangkaian pengecasan EV

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) telah memeterai kerjasama dalam solusi tenaga hijau bagi membangunkan infrastruktur tenaga dan telekomunikasi yang lebih pintar, mampan dan saling berhubung di seluruh negara.

Usaha sama ini memfokuskan kepada penyelesaian tenaga mampan, teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) bagi manfaat langsung kepada pelanggan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, sebagai pelaksanaan awal kerjasama ini, pihaknya menilai potensi pemasangan sistem solar di 150 premis TM dan menyasarkan perluasan pemasangan kepada lebih banyak kediaman pelanggan Unifi Home setiap tahun.

Menurut beliau, peningkatan rangkaian stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) juga dirangka dalam pelaksanaan kerjasama ini.

"Dengan pertambahan stesen



SHAMSUL AHMAD (tiga dari kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris (tiga dari kiri) bertukar dokumen MoU di Pusat Konvensyen Leo Moggie TNB, Bangsar baru-baru ini.

pengecasan, pengguna EV mempunyai lebih banyak lokasi untuk mengecas, sekali gus memberikan kemudahan dan pengalaman penggunaan yang lebih baik.

"TNB juga komited menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bagi mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh baharu dan memperkukuh agenda peralihan negara ke arah pelepasan sifar bersih menjelang 2050," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan pada majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) di sini ba-

ru-baru ini.

Kerjasama itu memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu penyelesaian tenaga lestari yang mana TNB melalui solusi GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) dan TNB Electron, bersama TM akan melaksanakan inisiatif berkaitan tenaga hijau seperti pemasangan solar di bangunan, penyelesaian solar secara pakej serta perluan rangkaian pengecas EV.

Fokus lain pula adalah untuk memperkasa teknologi digital yang memberi peluang kepada TM dan TNB meneroka kerjasama dalam bidang teknologi

digital dan inovasi sebagai sebahagian daripada usaha bersama memperkukuh keupayaan digital organisasi.

Inisiatif ini dijangka menyokong peningkatan kecekapan operasi, pengalaman pelanggan serta pembangunan ekosistem digital yang lebih mampan.

Selain itu, kerjasama tersebut akan memberi ruang kepada penyumberan ICT secara strategik yang mana kedua syarikat akan menilai kaedah penyumberan perkhidmatan sedia ada secara lebih tersusun serta penajajaran harga yang lebih kompetitif.

Inisiatif ini bertujuan memastikan rantaian bekalan yang lebih kukuh, penjimatan kos dan ketersediaan digital yang lebih mampan untuk jangka panjang.

Selain itu, di bawah kerjasama tersebut, pelanggan berpotensi akan dapat mengurangkan kos operasi, menikmati kemudahan pengecasan EV di lokasi terpilih dan memanfaatkan sistem digital pintar serta analitik berasaskan AI untuk memantau penggunaan tenaga.

Ia juga dapat mengesan gangguan lebih awal dan mempercepat pemulihan bekalan sekali gus meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhan.

Hubungan antara TNB dan TM telah lama terjalin, termasuk sokongan rangkaian komunikasi ke pencawang utama, perkhidmatan SMS dan pusat panggilan awan (cloud), serta kerjasama dalam program tenaga hijau.

Sehingga 31 Disember 2025, GSPARX telah berjaya memperoleh lebih daripada 530MW projek solar bumbung, menyokong penggunaan tenaga boleh baharu di lebih 3,000 kediaman dan premis komersial.

Selain itu, TNB telah memasang sekitar 256 stesen pengecasan EV di bawah jenama TNB Electron, menyediakan fasiliti grid serta sokongan elektrik bagi operasi pengecasan.